



28 Jun 2011
28 June 2011
P.U. (A) 205

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2011

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 4) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 4) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2011.**

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2011.

Pemakaian

2. Perintah ini hendaklah terpakai kepada sukuk wakala, selain daripada stok pinjaman boleh ubah, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang oleh Wakala Global Sukuk Berhad.

Pengecualian

3. (1) Menteri mengecualikan mana-mana orang dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berhubung dengan laba atau keuntungan yang diperoleh, sebagai ganti faedah, daripada sukuk wakala di bawah konsep *Al-Wakala Bil Istismar*.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

Ketidakpakaian

4. Seksyen 109 Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang dikecualikan di bawah Perintah ini.